

﴿ KHUTBAH 9 ﴾

KEWAJIPAN BERZAKAT

Dr. Asmady Bin Idris

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهَادَةً تُنَجِّي قَائِلَهَا مِنْ
عَذَابِ النَّارِ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اَللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian.....

Terlebih dahulu khatib ingin berwasiat kepada diri sendiri dan para jemaah sekalian agar sentiasa meningkatkan ketaqwaan kepada Allah dengan beramal soleh dan mengerjakan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya agar kita mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam”

(QS Ali-Imran [2] : 102)

Dalam kesempatan kali ini, marilah kita sama-sama menghayati tajuk khutbah iaitu “KEWAJIPAN BERZAKAT”.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian.....

Pelaksanaan ibadah zakat melibatkan empat elemen asas iaitu golongan yang diwajibkan memberi zakat (*muzakki*), harta milik yang wajib dikeluarkan zakat (*al-amwaal*), pemungut atau petugas zakat (*amil*) dan golongan penerima zakat (*asnaf*).

Adapun golongan yang wajib melaksanakan ibadat zakat ialah individu ataupun seorang yang beragama Islam, merdeka dan memiliki kekayaan dalam jumlah tertentu dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan menurut syariat Islam.

Firman Allah s.w.t menyebutkan tentang kewajipan berzakat:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya:

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama orang yang rukuk.”

(QS al-Baqarah [2] : 43)

Dalam ayat yang lain, Allah s.w.t juga memberikan peringatan kepada mereka yang enggan berzakat:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ يَكْنُزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ

فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾

Maksudnya:

“Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak tetapi tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”

(QS al-Taubah [9] : 34)

Hadis Nabi s.a.w turut mengingatkan kepada setiap umat Islam untuk melaksanakan ibadat zakat:

Dari Abu Hurairah r.a. katanya Nabi s.a.w bersabda:

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ إِلَّا مَلَكَانِ يَنْزِلَانِ فَيَقُولُ أَحَدُهُمَا اللَّهُمَّ أَعْطِ

مُنْفِقًا خَلْفًا وَيَقُولُ الْآخَرُ اللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَلْفًا

Maksudnya:

“Setiap hari dua orang malaikat turun dari langit, seorang di antara mereka berkata, “Ya Allah! Gantikanlah bagi setiap orang yang pemurah kerana-Mu”.

Dan yang lain berkata: “Ya Allah! Musnahkanlah harta setiap orang yang menahan-nahan (hartanya, tidak mahu berzakat).”

(HR al-Bukhari)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian

Dalam pada itu, terdapat dua jenis zakat yang wajib ditunaikan iaitu:

Pertama: Zakat *fitriah* atau zakat badan yang harus ditunaikan sepanjang bulan Ramadan sehingga sebelum solat sunat Aidilfitri pada satu Syawal.

Kedua: ialah zakat harta, iaitu zakat yang dikeluarkan dari harta tertentu dengan kadar tertentu mengikut syarat-syarat tertentu untuk diagihkan kepada golongan tertentu. Zakat harta terbahagi kepada beberapa jenis antaranya zakat emas dan perak, zakat perniagaan, zakat binatang ternakan, zakat tumbuh-tumbuhan (biji-bijian dan buah-buahan) dan zakat *maadin* (harta yang terpendam di dalam perut bumi seperti besi dan petroleum yang diusahakan dalam bentuk perniagaan), *rikaz* (harta karun) dan sebagainya.

Bagi zakat pendapatan pula, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia pada tahun 1997 telah menyokong penuh fatwa Syeikh Dr. Yusof al-Qardhawi bahawa zakat ke atas pendapatan bagi penggajian adalah wajib kerana ia merupakan harta yang berkembang. Dengan demikian, zakat pendapatan di Malaysia telah dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1997 di semua negeri dengan kadar 2.5 peratus daripada jumlah pendapatan (cukup *haul* / setahun).

Hadis Nabi s.a.w menjelaskan perihal zakat pendapatan ini:

إِذَا كَانَتْ لَكَ مِائَتَا دِرْهَمٍ، وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ فَفِيهَا خُمْسَةٌ دَرَاهِمٍ، وَلَيْسَ عَلَيْكَ شَيْءٌ يَعْني فِي الذَّهَبِ . حَتَّى يَكُونَ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا، فَإِذَا كَانَتْ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا، وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ ، فَفِيهَا نِصْفُ دِينَارٍ

Maksudnya:

“Jika kamu memiliki 200 dirham dan genap haulnya, maka di dalamnya (zakat) 5 dirham, dan tidak dikenakan (zakat) ke atas kamu sesuatu iaitu di dalam emas, sehingga kamu memiliki 20 dinar. Apabila kamu memiliki 20 dinar dan genap haulnya, maka di dalamnya (zakat) setengah dinar.”

(HR Abu Daud)

Dalam hadis tersebut, Rasulullah s.a.w menjelaskan kepada kita bahawa wang yang dimiliki dan cukup nisab serta haulnya, maka hendaklah ditunaikan zakat atas harta tersebut dengan kadar 2.5 peratus sahaja dari jumlah keseluruhan harta tersebut.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ

مِنَ الْأَرْضِ ۖ وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِءَاخِذِيهِ إِلَّا أَنْ

تُغْمِضُوا فِيهِ ۚ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ﴿٢٦٧﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya dan ketahuilah, Sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.”

(QS al-Baqarah (2):267)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.